

SURVIVAL MASA DEPAN KEPIMPINAN POLITIK MELAYU PASCA PILIHAN RAYA UMUM (PRU) ke-12, 2008

Mohd Azlan Zainal¹
Amer Saifude Ghazali²
Zulkanain Abdul Rahman³

Abstract

The political tsunami of the 12th General Election in Malaysia has contributed to the emerging scenario and new political dimensions. A fragmentation had not only shown itself among the multiple ethnics but had been rather exposed amongst the membership of the ruling party, in particular. Terrible loss of seats dominated by the Barisan Nasional (BN) had dented the loyalty and faith held towards the BN, especially in the five states which captured by the Pakatan Rakyat (PR). And UMNO being the backbone to BN has to shoulder such a great responsibility in order to ensure that BN remains relevant in Malaysian politics. As a result, UMNO has to confront a dilemma to stay as a party struggling on the Malay agenda or transform to a more non-communal platform. The results of this election has been a witness to a transition, whereby the support of the Chinese and Indian voters has simultaneously gone to the oppositions. In this context, UMNO should adopt the non-communal attitude in their stance. However, the readiness of this party to move on this platform seems impeded, given that the ideology of this party which centers on the Malay struggles has been very much fused. This article will discuss and demonstrate the direction of the Malaysian political growth.

Keywords: Ethnic Politics, Electoral Behaviour, Electoral Geography, Malaysian Politics

Pengenalan

Secara umumnya politik Malaysia ditunjangi dominasi Melayu atau lebih dikenali sebagai ketuanan Melayu. Politik ketuanan Melayu ini didukung oleh parti UMNO dan wacana politik ini telah dimartabatkan sebagai ideologi UMNO. UMNO yang lahir dari natijah penyemarakkan semangat nasionalisme Melayu dalam peristiwa penentangan rancangan Malayan Union pada tahun 1946 telah menjadi kuasa pemangkin dan pencorak kepada politik Malaysia hingga kini. Kejayaan-kejayaan yang diperoleh UMNO dalam sejarah perjuangan parti itu memang dapat dibanggakan oleh orang Melayu. Bermula dengan pencapaian kemerdekaan Malaysia, pemantapan kuasa politik Melayu selepas Peristiwa 13 Mei hinggalah kepada kejayaan membina bangsa Melayu yang penuh berkeyakinan menerusi Dasar Ekonomi Baru (Asnarulhadi dan Jayum, 1997) UMNO ternyata telah mengungguli hierarki sejarah perkembangan politik Malaysia.

Selain itu, UMNO juga dianggap memperjuangkan kemerdekaan Malaysia dan kemudiannya pengisian kemerdekaan bersama-sama dengan parti MCA dan MIC

melalui politik gabungan (*coalition politic*) yang dizahirkan dalam Perikatan dan Barisan Nasional (BN) memang merupakan tunjang kepada pakatan politik yang memerintah Malaysia sejak tahun 1957. Perikatan dan BN dikatakan mengamalkan perkongsian kuasa antara kaum yang dikenali sebagai politik konsosiasional (Lijphart 1977, Mauzy 1983, Case 1996). Walau bagaimanapun perkongsian kuasa yang pada mulanya bersifat perkongsian sama taraf dan kuasa telah mengalami perubahan setelah berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969. Selepas peristiwa rusuhan kaum itu, UMNO telah muncul sebagai kuasa utama dalam pakatan politik tersebut dan memainkan peranan sebagai peneraju kepada politik gabungan. Kekuasaan UMNO semakin berkembang dengan pemantapan kuasa parti itu menerusi sokongan orang Melayu yang dapat dilihat melalui prestasi cemerlang dalam pilihan raya umum yang diadakan selepas tahun 1969.

Walaupun bagaimanapun, UMNO sebagai sebuah parti politik tidak terkecuali daripada perbalahan, perpecahan dan krisis dalaman parti. Umpamanya persaingan sengit dalam jawatan presiden parti dalam tahun 1987 telah menyebabkan UMNO diharamkan dan UMNO baru ditubuhkan oleh Dr. Mahathir telah mengundang perpecahan parti (Means 1991). Manakala kegawatan politik yang tercetus ekoran daripada pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam era reformasi tahun 1998 juga telah menyumbang kepada perpecahan politik Melayu yang lebih ketara. Pada waktu itu telah timbul persoalan kerelevanan UMNO dalam politik Malaysia. Namun rentetan cabaran dan krisis ini dapat ditangani oleh pucuk pimpinan UMNO yang diterajui Dr. Mahathir Mohamad dengan berkesan. Cabaran yang mengganggu-gugat kerelevanan dan survival UMNO telah mengunjung tiba pada tanggal 8 Mac 2008. Tsunami politik yang berlaku dalam Pilihan raya Umum (PRU) ke-12 itu bukan sahaja memberi kejutan yang besar kepada parti-parti pemerintah komponen BN malah juga kepada parti-parti pembangkang. BN terkejut dengan prestasi dan kekalahan buruk mereka di lima buah negeri. Manakala parti-parti pembangkang pula tidak menyangka langsung akan memperoleh kemenangan yang begitu besar. Keputusan PRU kali ini menunjukkan fenomena pembantaian BN dan pembantaian Melayu. Gejala orang UMNO menentang UMNO, orang MCA menentang MCA dan orang MIC menentang MIC telah berlaku. Hal yang demikian memperlihatkan keputusan PRU ke-12 amat menarik untuk diselidiki yang menampilkan senario dan dimensi baru dalam politik Malaysia.

Dengan kewujudan milieu dimensi politik yang baru ini kedua-dua pihak ini terpaksa mendepani cabaran yang getir. Natijah daripada prestasi buruk, BN perlu bergerak pantas untuk mengembalikan kerelevanannya dalam arena politik Malaysia. Parti-parti pembangkang yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS pula dituntut merintis satu formula kerjasama antara parti supaya mereka terus menguasai pentadbiran kerajaan di lima buah negeri tersebut dan menawarkan satu pakatan alternatif yang mampu mencabar kekuasaan BN pada masa depan (pada masa ini tinggal 4 negeri setelah Perak diambil semula oleh BN setelah mendapat majoriti sokongan dalam Dewan Undangan Negeri). Perkembangan ini menunjukkan kedua-dua pihak sebenarnya menghadapi suatu senario baru yang belum pernah melanda arena politik Malaysia. Walau bagaimanapun BN kelihatan mendepani tugas yang lebih mencabar lantaran ia pihak yang menjadi mangsa tsunami politik. Dalam hal ini UMNO yang merupakan tunjang kepada BN perlu memikul tanggungjawab yang lebih berat untuk memulihkan semula BN. Oleh itu Kelangsungan BN dalam arena politik negara kita bergantung kepada sejauhmanakah UMNO mampu melakukan perubahan dan

reformasi untuk merespons kepada senario dan dimensi baru yang terbentuk akibat daripada pola perubahan pada tsunami politik tahun 2008 yang lalu.

Implikasinya, keputusan Pilihan Raya 2008 menyaksikan kehadiran satu krisis besar yang menimpa UMNO. Kegawatan kali ini lebih mengancam kerelevanan dan survival UMNO. Senario dan dimensi baru yang dibawa oleh ombak raksasa tsunami dikatakan mengancam kelangsungan/survival BN sebagai parti pemerintah peringkat persekutuan. Parti UMNO yang merupakan tunjang dan tonggak BN sudah pasti menerima tamparan yang paling hebat. Kini UMNO terpaksa mendepani satu krisis yang begitu mengancam keutuhan dan kerelevannya. UMNO dilanda permasalahan survival, satu kegawatan yang jarang-jarang ditempuhi dalam sejarah perkembangan partinya. Wacana politik ketuanan Melayu yang selama ini menjadi dukungan parti dan nadi perjuangannya semakin hilang pengaruh di Malaysia. Umpamanya semasa merasmikan Perhimpunan Perpaduan Melayu sempena Maulidur Rasul 1429 Hijrah di Kuala Lumpur, Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faris Petra telah bertitah bahawa ketuanan Melayu tercabar lantaran kaum lain lebih dominan dari segi politik dan ekonomi yang merupakan kesan langsung PRU ke-12 (*Mingguan Malaysia*, 13 April 2008). Kegawatan ini muncul natijah daripada kehadiran Pakatan Rakyat (PR) dalam arena politik Malaysia semasa yang mampu menggantikan BN sebagai parti pemerintah.

Tsunami politik yang berlaku dalam PRU ke-12 telah menyaksikan kemunculan beberapa kecenderungan baru yang bakal mencorakkan perkembangan dan hala tuju politik Malaysia. Umpamanya, seperti yang diutarakan oleh Naib Presiden UMNO ketika itu, Muhyiddin Yassin dalam satu wawancara bahawa salah satu kesan penting pilihan raya umum tahun 2008 ialah kemunculan kuasa politik kaum Cina dan India (*Mingguan Malaysia*, 13 April 2008). Hakikat ini berlaku kerana undi-undi daripada kaum Cina dan India yang menyebelahi barisan pembangkang secara agak tuntas telah menyumbang kepada kekalahan BN di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, dan Selangor. Umum mengetahui bahawa pada masa kini kaum Cina dan India merupakan komuniti minoriti di Malaysia, namun dalam PRU kali ini mereka berjaya menampilkan peranan mereka sebagai penentu yang signifikan dalam percaturan politik Malaysia.

Landskap, Senario dan Dimensi Baru dalam Politik Malaysia

Keputusan PRU ke-12 jelas menunjukkan bahawa seolah-olah Sistem Politik Dua Barisan/Pakatan sudah terbentuk dalam struktur politik Malaysia (Thock 2005). Perkembangan politik ini merupakan tahap transisi yang lumrahnya perlu dilalui sesebuah negara sebelum ia menjadi sistem politik demokrasi yang lebih sempurna, iaitu sistem Dua Parti, namun, adakah ini boleh terjadi di negara ini. Walau bagaimanapun, kita telah menyaksikan pembentukan PR yang dianggotai PKR, DAP, dan PAS pada 1 April 2008. Pakatan yang dibentuk kali ini ternyata lebih mantap dan berpengaruh. Ia sudah tentu tidak menyerupai Gagasan Rakyat atau Angkatan Perpaduan Ummah pada tahun 1990 dan juga Barisan Alternatif dalam era Reformasi yang berlaku pada tahun 1998.

Dengan perkembangan ini maka rakyat Malaysia kini memiliki peluang dan kuasa untuk memilih barisan/pakatan yang lebih layak bagi memerintah negara. Dengan kewujudan politik dua pakatan ini, maka sudah tentu perkembangan ini akan

membawa kepada persaingan yang sihat antara BN dan PR. Kedua-dua buah pakatan ini akan bersaing untuk menonjolkan diri sebagai pakatan yang lebih berjiwa rakyat. Dengan hal yang demikian, BN selaku pakatan pemerintah peringkat persekutuan dijangka akan melakukan reformasi dalam pentadbiran kerajaan demi menangani beberapa kepincangan yang telah mencemarkan imej BN dan menyebabkan prestasi buruknya dalam PRU ke-12. Antara kepincangan yang menuntut perhatian segera ialah gejala rasuah, kenaikan harga barangan, kadar jenayah yang meningkat dan keselamatan awam yang semakin buruk, ketidaktelusan dalam pentadbiran kerajaan, penyalahgunaan kuasa dan keangkuhan pemimpin-pemimpin politik.

Manakala PR pula lebih dilihat akan bertindak memperjuangkan kepentingan rakyat pelbagai kaum sejajar dengan ideologi pakatannya, iaitu ketuanan rakyat. Perkembangan politik semasa ini memperlihatkan para pengundi negara daripada pelbagai keturunan kaum telah memiliki kesedaran tentang kepentingan undi mereka. Mereka tidak akan teragak-agak lagi untuk menggunakan undi di tangan mereka untuk menyuarakan ketidakpuasan mereka. Pilihan raya umum merupakan wahana yang ampuh bagi melepaskan rungutan dan rintihan mereka. Natijah daripada hakikat pahit ini ialah BN terpaksa menanggung kesan dan dampak tsunami politik PRU ke-12 yang agak menggerunkan ini. Dalam pada itu wacana politik komunal yang sebelum ini begitu mendominasi percaturan politik negara juga semakin hilang pengaruhnya. Dalam pilihan raya umum kali ini dapat dilihat bahawa orang Melayu sudah tidak gentar lagi mengundi DAP. Begitu juga dengan orang Cina yang kelihatan berani mengundi PAS. Kaum India pula selesa memakai baju-T parti PAS dan juga menjulang-julangkan panji dan bendera PAS. Umpamanya di kawasan DUN N51 - Pasir Panjang di negeri Perak (dimenangi oleh calon PAS, iaitu Mohd. Nizar Jamaluddin yang kemudiannya dilantik Menteri Besar Perak sebelum kerajaan PR Perak tumbang semula), gelagat pengundi India ini dapat dikesan dan kedatangan Samy Vellu ke kawasan itu untuk berkempen telah disekat oleh para penduduk India. Rakyat kelihatan tidak begitu mudah dipengaruhi sentimen perkauman lagi.

Selain itu, landaan tsunami politik juga menyebabkan struktur politik Malaysia mengalami perubahan. Politik Malaysia yang selama ini didominasi oleh kekuasaan Melayu UMNO sejak tragedi berdarah iaitu peristiwa hitam 13 Mei 1969 mulai mengalami perubahan. Walaupun politik gabungan yang direalisasikan melalui perkongsian kuasa antara kumpulan etnik, namun dominasi parti UMNO dalam BN begitu ketara hingga ramai pengkaji politik Malaysia mengistilahkan sebagai hegemoni (Weiner dan Ozbudun 1987, Vasil 1980). Dengan kemunculan dimensi baru setelah PRU ke-12, kehegemonian/kekuasaan UMNO dalam BN sudah terhakis natijah daripada kemerosotan prestasi UMNO dalam pemilihan kerusi Parlimen. Genggaman kuasa UMNO yang selama ini menjadi tunjang BN mula tergugat apabila parti itu hanya memenangi 79 kerusi Parlimen dalam PRU ke-12 berbanding 114 dengan PRU tahun 2004. Lompong-lompong kuasa politik UMNO ini mula diisi oleh kemunculan kuasa politik Cina dan India. Beberapa orang tokoh politik/cendekiawan/budayawan Melayu cenderung melihat keadaan ini sebagai kebangkitan kuasa politik kaum Cina dan India.

Ke arah manakah politik Malaysia sedang menghala sesudah tsunami politik? Dengan kemunculan kuasa politik Cina dan India yang boleh mengimbangi kehegemonian UMNO sama ada dalam konteks komponen parti atau parti lawan, maka politik Malaysia sedang berkembang dari politik kehegemonian etnik kepada politik multietnik. Dalam hal ini suara-suara rakan UMNO dalam BN yang selama ini

terpendam oleh kekuasaan UMNO mulai kedengaran. Contohnya Pemangku Presiden Gerakan, Koh Tsu Koon dalam satu ceramah barubaru ini berhujah bahawa dominasi UMNO dalam BN sejak pentadbiran Dr. Mahathir telah menyumbang kepada prestasi buruk BN dalam PRU ke-12 dan pemimpin itu menyeru agar UMNO berubah dengan memberi peluang kepada golongan liberal Melayu untuk meneraju kepimpinan parti (*Utusan Malaysia*, 21 Jun 2008). Hal yang demikian memperlihatkan satu hakikat baru dalam politik Malaysia, iaitu UMNO memerlukan kekuatan parti-parti rakan dalam BN untuk membolehkannya menjadi parti pemerintah yang kuat bagi menerajui sebuah kerajaan pusat yang stabil. Oleh itu UMNO dijangka akan lebih berakomodatif kepada permintaan-permintaan ataupun desakan-desakan daripada rakannya. Hal ini terbukti dengan laporan berita yang mengatakan Jawatankuasa Pengurusan BN telah bermesyuarat untuk menimbang bentuk kerjasama dan hubungan yang baru antara rakan-rakannya bagi membolehkannya berperanan sebagai sebuah pakatan yang lebih dinamik dan memperoleh sokongan rakyat pelbagai kaum (*Sin Chew Daily*, 9 Mei 2008). Perkembangan baru ini dalam BN bakal menjanjikan perkongsian kuasa yang lebih tulen antara parti komponennya.

Di pihak pembangkang pula, kemunculan PKR sebagai parti pembangkang yang terbesar dengan kerusi parlimen yang berjumlah 31 (sekarang tinggal 26 kerusi setelah 5 orang Ahli Parlimennya lompat parti dan mengisytiharkan diri sebagai wakil rakyat bebas) turut menjanjikan suatu perkembangan politik yang lebih sihat. Ini adalah kerana PKR merupakan sebuah parti yang bergerak atas landasan pelbagai kaum dan memperjuangkan kepentingan rakyat yang menjangkau batasan etnik. Pucuk pimpinan dan ahli-ahli parlimennya yang multietnik lebih disenangi rakyat dan mencerminkan komposisi kaum di Malaysia. Apa yang lebih penting ialah PKR diterajui oleh pemimpin Melayu dan keadaan ini menghilangkan kebimbangan orang Melayu yang sesetengahnya masih lagi menganggap bahawa PRU ke-12 telah mengakibatkan orang Melayu kehilangan kuasa politik. PKR dilihat mampu terus bergerak atas landasan pelbagai kaum dan melaksanakan politik multietnik. Tsunami politik 8 Mac 2008 tidak memunculkan DAP dan PAS sebagai parti pembangkang terbesar, keadaan ini melegakan rakyat Malaysia. Hal ini demikian kerana DAP yang pada prinsipnya merupakan parti pelbagai kaum, namun pucuk pimpinannya yang didominasi oleh kaum Cina masih kurang diterima oleh orang Melayu. Manakala agenda perjuangan PAS ke arah pembentukan sebuah negara Islam di Malaysia tidak memperoleh sokongan kaum Cina dan India. Seterusnya wacana pembangunan/developmentalisme yang selama ini diterapkan oleh kerajaan BN terutamanya pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad tidak lagi memikat hati pengundi (Loh 2002). Dalam zaman pentadbiran mantan Perdana Menteri itu yang berakhir pada 31 Oktober 2003, banyak projek pembangunan, malah sesetengahnya merupakan projek mega telah berjaya dilaksanakan. Keadaan ini ditokok dengan perkembangan ekonomi yang mantap dalam dekad 1990-an yang menyaksikan rakyat menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik. Hal yang demikian menyebabkan kerajaan BN memenangi PRU tahun 2004 dengan selesa. Kerajaan yang diterajui Abdullah Ahmad Badawi sejak 1 November 2003 bukan kekurangan projek-projek pembangunan di setiap pelosok negara, malah pengenalan pelbagai koridor raya adalah dianggap sebagai suatu retorik oleh rakyat. Malah menjelang PRU ke-12 kerajaan telah menaburkan satu siri gula-gula politik, terutamanya kepada kaum Cina dan India. Umpamanya Perdana Menteri telah memberi peruntukan khas sebanyak 30 juta ringgit kepada sekolah-sekolah Cina menjelang dan

semasa kempen pilihan raya umum. Kerajaan BN turut meluluskan pembinaan 6 buah sekolah rendah Cina yang baru dan pemindahan 13 buah sekolah Cina yang kekurangan murid ke kawasan pinggir bandar membaik pulih dan membina sekolah rendah Tamil serta pembinaan dan perpindahan kuil-kuil Hindu. Namun segala usaha ini ternyata gagal menawan hati para pengundi kali ini.

Di samping itu, tsunami politik ini turut membawa perbalahan dalaman kepada UMNO. Perbalahan ini timbul ekoran daripada prestasi buruk BN dalam PRU ke-12. Oleh itu suara-suara meminta Abdullah Badawi supaya meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO mula bergema setelah keputusan pilihan raya umum itu diketahui pada masa itu. Pada anggapan mereka Abdullah Badawi perlulah memikul tanggungjawab kekalahan tersebut. Kepimpinan Abdullah Badawi sebagai peneraju UMNO mendapat kritikan yang pedas daripada mantan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad selepas landaan tsunami politik. Sehari selepas pilihan raya umum iaitu pada 9 Mac 2008, Dr. Mahathir meminta agar Abdullah Badawi mengundurkan diri. Ini pula diikuti oleh anak beliau, Mukhriz Mahathir yang meminta Perdana Menteri meletakkan jawatan pada 12 Mac. Pada hari yang sama veteran UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah mengutus surat kepada semua bahagian UMNO di seluruh negara meminta agar satu Persidangan Perwakilan Khas (EGM) diadakan untuk membincangkan prestasi buruk dan hala tuju baru UMNO. Beliau kemudiannya turut mengumumkan keinginan untuk merebut jawatan presiden parti. Dalam ucapan Tengku Razaleigh Hamzah merasmikan EGM UMNO yang pertama selepas PRU ke-12 di Gua Musang pada 4 April 2008, tokoh itu memberi peringatan bahawa UMNO kini berada dalam darurat dan perubahan besar perlu dilakukan ke atas parti (*Utusan Malaysia*, 5 April 2008). Manakala bekas Menteri Besar Selangor Dr. Mohamad Khir Toyo dalam satu wawancara eksklusif pula menyifatkan bahawa UMNO sudah tenat dan rakan-rakannya dalam komponen BN mungkin meninggalkannya (*Oriental Daily News*, 30 Mac 2008).

Pergolakan dan perbalahan UMNO tampaknya akan berterusan. Hal ini demikian kerana Dr. Mahathir sudah nekad dalam usahanya untuk menggantikan pimpinan Abdullah Badawi. Beliau mula mengadakan satu siri *roadshow* untuk mencapai tujuan tersebut. Umpamanya dalam siri ceramahnya yang kedua selepas PRU ke-12 di Kajang, Selangor yang menyaksikan beliau mendesak Abdullah Badawi agar meletakkan jawatan dengan serta merta walaupun sudah ada berita tentang wujudnya Pelan Peralihan Kuasa dalam UMNO. Perkembangan seterusnya ialah beliau mengumumkan keluar dari parti UMNO pada 19 Mei 2008 selagi Abdullah Badawi masih menjadi Presiden UMNO. Beliau turut menyeru kepada para pemimpin parti agar juga berbuat demikian untuk mendesak Abdullah Badawi meletakkan jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia. Peristiwa ini memberi tamparan hebat kepada pimpinan Abdullah Badawi yang menerajui UMNO, BN dan kerajaan Malaysia. Malah perkembangan ini dilihat akan memecahbelahkan parti dan seterusnya melemahkan UMNO. Dalam pada itu, Naib Presiden UMNO Muhyiddin Yassin kelihatan sudah mula berani menyuarakan pandangannya tentang pimpinan dalam UMNO. Tokoh itu menyatakan bahawa untuk mengembalikan kewibawaan dan sokongan rakyat terhadap UMNO, pucuk pimpinan UMNO perlu ditukar dengan segera (*Mingguan Malaysia* 13 April 2008)

Survival Politik Melayu dan Keputusan PRU-12, MAC 2008

Umumnya dimaklumi bahawa dalam PRU-12 yang lalu Parti BN (BN) telah mengalami pencapaian keputusan terburuk di dalam sejarah pilihan raya di negara ini. BN hanya memenangi 140 kerusi Parlimen daripada 222 kerusi yang ditandinginya. Di peringkat DUN, BN hanya memenangi 307 kerusi daripada 505 kerusi yang ditandinginya. Daripada jumlah tersebut Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah memenangi 78 kerusi Parlimen, MCA 15 kerusi, MIC 3 kerusi, Gerakan 2 kerusi dan *People's Progressive Party* (PPP) tidak memenangi sebarang kerusi. Daripada segi analisa peratusannya boleh dikatakan bahawa calon-calon Parlimen PPP telah tewas 100 peratus, Gerakan 80 peratus, MIC 67 peratus, MCA 62.5 peratus dan UMNO 27.3 peratus. Secara keseluruhannya, BN hanya mendapat 51.2 peratus undi majoriti dan gagal untuk memperolehi 2/3 majoriti di Parlimen. Secara perbandingannya pencapaian parti-parti pembangkang atau PR yang terdiri daripada PKR, PAS dan Parti Tindakan Rakyat (DAP) adalah jauh lebih baik pada pilihan raya kali ini. Ini dapat dilihat daripada segi peningkatan kerusi Parlimen iaitu daripada 20 kepada 82, manakala kerusi DUN kapada 196 kerusi. Sehubungan ini PKR telah memenangi 31 kerusi Parlimen dan 42 kerusi DUN, Pas menang 23 Parlimen dan 83 DUN manakala DAP menang 28 kerusi Parlimen dan 71 kerusi DUN. Pencapaian BN berbanding dengan pembangkang adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Perbandingan Kerusi Parlimen yang Dimenangi BN dan Pembangkang pada tahun 2004 dan 2008

Barisan Nasional	2008		2004	
	Ditandingi	Menang	Ditandingi	Menang
UMNO	117	78	117	110
MCA	40	15	40	31
MIC	9	3	9	9
Gerakan	12	2	12	10
PPP	1	0	1	1
Lain-lain	45	43	40	38
Jumlah	222	140	219	199

Pembangkang (PR)	2008		2004	
	Ditandingi	Menang	Ditandingi	Menang
Pas	67	23	84	6
PKR	97	31	59	1
DAP	47	28	44	12
Lain-lain	45	0	40	1
Jumlah	-	82	-	20

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2006, 2009)

Pada perspektif yang lain, pencapaian BN dalam pilihan raya kali ini juga lebih buruk berbanding dengan pilihan raya umum pada tahun 1969 yang Parti Perikatan (sekarang dikenali sebagai BN) hanya mendapat 68 daripada 118 kerusi Parlimen yang ditandingi dan tidak mendapat 2/3 majoriti di Parlimen. Pada masa itu perikatan

hanya tewas di Kelantan dan Pulau Pinang tetapi dalam PRU-12 BN telah kehilangan Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan Perak. Malahan pada tahun 1999 apabila UMNO berdepan dengan krisis penyingkiran Anwar Ibrahim, BN masih lagi mampu memperoleh 56.5 peratus undi majoriti (*Berita Minggu*, 16 Mac 2008). Kebanyakan penganalisis politik menggunakan istilah Tsunami politik untuk menggambarkan gelombang penolakan terhadap BN. Kali ini BN bukan sahaja kalah di kawasan yang dianggap selamat malahan ramai pemimpin parti komponennya yang tewas. Lebih memeranjatkan lagi protes tersebut tidak sekadar memenangkan calon parti lawan malahan bilangan undi rosak dicatatkan paling besar dalam sejarah negara pada pilihan raya umum kali ini. Sehubungan ini bilangan undi rosak yang dicatatkan adalah sebanyak 322,461 undi. Dari jumlah tersebut 175,680 undi bagi kerusi Parlimen dan 146,781 undi bagi kerusi DUN. Lebih memeranjatkan lagi apabila bilangan undi rosak yang paling tinggi dicatatkan di Johor (iaitu 28,709 undi bagi kerusi Parlimen dan 25,455 undi bagi kerusi DUN) yang dianggap sebagai kubu kuat BN dan UMNO (*Berita Minggu*, 10 Mac 2008)

Jadual 2 : Kekuatan Kerajaan dan Pembangkang di dalam Dewan Rakyat

TAHUN	Kerajaan			Pembangkang			Jumlah Kerusi
	Bil. Kerusi	% Kerusi	% Undi	Bil. Kerusi	% Kerusi	% Undi	
1959*	74	71.15	51.7	30	28.85	48.3	104
1964*	89	85.58	58.6	15	14.42	41.5	104
1969*	9 ¹ 5	66.0	49.3	49	34.0	50.7	144
1974*	135	87.66	60.7	19	12.34	39.3	154
1978	130	84.42	57.2	24	15.58	42.8	154
1982	132	85.7	60.5	22	14.29	39.5	154
1986	148	83.62	55.8	29	16.38	41.5	179
1990	127	70.55	53.4	53	29.45	46.6	180
1995	162	84.38	65.2	30	15.62	34.8	192
1999	148	76.68	56.5	45	23.32	43.5	193
2004	198	90.41	63.9	21	9.59	36.1	219
2008	140	63.1	51.2	82	36.9	48.8	222

Sumber: Dewan Masyarakat Edisi Khas PRU12 2008: 31

*Pada tahun 1959 dan 1964 Kerajaan adalah merujuk kepada Parti Perikatan.

*Pada tahun 1959 dan 1964 Sabah dan Sarawak tidak menyertai pilihan raya umum.

*Pada tahun 1969 Kerajaan terdiri dari Perikatan dan SUPP

*Pada tahun 1974 kerajaan adalah BN

Pola Pengundian Dan Trend Sokongan

Gelombang penolakan terhadap BN begitu ketara dalam PRU ke-12 yang BN kalah di beberapa negeri, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Perak, Kelantan, Kedah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada pilihan raya kali ini pengundi-pengundi Melayu telah memberi kemenangan kepada calon-calon PAS dan PKR di kawasan-kawasan yang ditandingi UMNO dan juga kepada calon-calon PKR atau DAP di kawasan-kawasan yang ditandingi oleh MCA/Gerakan/MIC/PPP. Majoriti pengundi-pengundi bukan Melayu pula telah mengundi untuk memberikan kemenangan kepada calon-calon PKR/DAP/PAS. Kedudukan kerusi hasil PRU ke-12 pada 2008 di negeri-negeri yang disebutkan di atas adalah seperti di dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Bilangan Kerusi yang Dimenangi Mengikut Negeri-negeri yang dikuasai Pembangkang

Negeri-negeri	BN		Pembangkang		Bebas (DUN)
	Parlimen	DUN	Parlimen	DUN	
Kelantan (14 Parlimen, 45 DUN)	2	6	12	39	
Perak (24 Parlimen, 59 DUN)	13	28	11	31	
Pulau Pinang (13 Parlimen, 40 DUN)	2	11	11	29	1
Kedah (15 Parlimen, 36 DUN)	5	14	10	21	
Selangor (22 Parlimen, 56 DUN)	5	20	17	36	
Wilayah Persekutuan (13 Parlimen)	3		10		

Sumber : *New Straits Times* : 10 Mac 2008 : 5-11

Di Kelantan misalnya, BN yang pada pilihan raya umum 2004 memenangi 7 kerusi Parlimen dan 22 kerusi DUN telah merosot pencapaiannya kepada 2 kerusi Parlimen dan 6 kerusi DUN dalam pilihan raya umum kali ini. Hal yang sama turut berlaku di Kedah di mana pada pilihan raya umum 2004 BN telah memenangi 14 kerusi Parlimen dan 30 kerusi DUN tetapi kali ini BN hanya memenangi 5 kerusi Parlimen dan 14 kerusi DUN. Kebanyakan calon-calon BN di Kelantan telah tewas kepada PAS dan di Kedah mereka telah tewas kepada calon-calon PKR dan Pas. Di Kedah, pengundi-pengundi telah memberi kemenangan kepada calon-calon PKR bagi kawasan-kawasan yang ditandingi MCA/MIC/Gerakan. Sehubungan ini PKR telah memenangi kerusi di Padang Serai, Kulim, Lunas, Sidam dan Bakar Arang yang dahulunya dimenangi oleh calon-calon MCA/MIC/MIC (*New Straits Times*, 10 Mac 2008). Penolakan pengundi-pengundi bukan Melayu terhadap calon-calon BN amat jelas di Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan yang hampir semua calon MCA/MIC dan Gerakan telah tewas kepada calon-calon pembangkang pada pilihan raya umum kali ini. Di Pulau Pinang, BN telah memenangi 2 kerusi Parlimen dan 11 kerusi DUN yang kesemuanya terdiri daripada calon-calon UMNO. Di Selangor, parti komponen BN selain daripada UMNO hanya memenangi 1 kerusi Parlimen dan 2 kerusi DUN daripada 12 kerusi Parlimen dan 21 kerusi DUN yang ditandingi. Di Wilayah Persekutuan, kesemua 3 kerusi Parlimen yang dimenangi terdiri daripada calon-calon UMNO. Di negeri-negeri

lain juga terdapat penolakan terhadap calon-calon BN tetapi tidak begitu ketara seperti di kelima-lima negeri yang telah disebutkan di atas. Sebagai contohnya di negeri Johor, UMNO telah memenangi kesemua 15 kerusi parlimen dan 32 daripada 34 kerusi DUN yang ditandingi. Di Melaka pula, kesemua calon-calon UMNO telah memenangi semua kerusi Parlimen dan DUN yang ditandinginya. Walau bagaimanapun undi majoritinya telah berkurangan di kesemua kawasan yang ditandinginya (*New Straits Times*, 10 Mac 2008). Penolakan pengundi-pengundi bukan Melayu dan ditambah dengan kemerosotan sokongan pengundi-pengundi Melayu terhadap calon BN menyebabkan majoriti calon-calon MCA/ MIC/Gerakan telah tewas pada pilihan raya kali ini (*Suara Keadilan*, 12 Mac 2008). Pada PRU ke-12, MCA hanya memenangi 15 kerusi parlimen daripada 40 kerusi yang ditandinginya, MIC hanya memenangi 3 kerusi Parlimen dari 9 kerusi yang ditandinginya manakala Gerakan hanya memenangi 2 kerusi Parlimen daripada 12 kerusi yang ditandinginya (*New Straits Times*, 10 Mac 2008).

Masa Depan Kepimpinan Politik Melayu menerusi UMNO

Kekuasaan UMNO sebagai peneraju BN dan kerajaan Malaysia selama ini belum teruji dan tercabar. Namun tsunami politik yang melanda arena politik Malaysia pada 8 Mac 2008 telah mula mengubah landskap politik Malaysia. Dengan kemerosotan prestasi UMNO, kekuasaan yang dinikmati pucuk pimpinan UMNO selama ini mula mengalami kegoyahan. Hakikat ini dapat dilihat menerusi reaksi-reaksi para pemimpin parti-parti komponen BN terhadap keputusan PRU ke-12. Mereka kini didapati lebih berani dan lantang dalam menyuarakan ketidakpuasan mereka. Seseengah pemimpin ini menyatakan keangkuhan beberapa pemimpin pelapis UMNO sebagai punca kekalahan, namun mereka lebih cenderung melihat peminggiran parti mereka dalam BN yang menyumbang kepada kemerosotan sokongan para pengundi kepada parti mereka dalam PRU ke-12. Perkembangan ini jelas menunjukkan kewibawaan UMNO telah terjejas dan kehegemonian UMNO dalam BN turut tercabar. Dalam fasa ini, beberapa faktor dan cabaran kepada kepimpinan politik Melayu dapat diklasifikasikan melalui beberapa segmentasi iaitu:

1) *Desakan daripada parti gabungan dalam komponen BN*

Dengan hal yang demikian maka pucuk pimpinan beberapa parti komponen BN terutamanya MCA dan Gerakan mula mempersoalkan kedudukan mereka yang subordinat dalam BN berbanding dengan UMNO. Umpamanya bekas Presiden Gerakan, Lim Keng Yek dalam satu wawancara akhbar menyifatkan status parti-parti komponen BN yang lain lebih mirip sebagai pengemis berbanding dengan kedudukan UMNO (*Sin Chew Daily*, 12 Mei 2008). Seterusnya bekas Menteri Sumber Manusia dan Naib Presiden MCA, Dr. Fong Chan Onn meminta agar MCA diberi kedudukan yang setaraf dengan UMNO (*New Straits Times*, 6 Mei 2008). Manakala bekas Menteri Kesihatan, Dr. Chua Soi Lek pula menyarankan bahawa 12 buah parti komponen BN selain UMNO dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dari Sarawak harus membentuk satu barisan dalam BN yang menyerupai gagasan Sistem Dua Barisan untuk mengekang kekuasaan UMNO (*Oriental Daily News*, 7 Mei 2008). Dalam hal ini, bekas ahli Exco kerajaan Pulau Pinang sebelum PRU ke-12, Dr. Toh Kim Woon membuat kenyataan sejeurus selepas pilihan raya bahawa sekiranya parti Gerakan terus dikekangi

kekuasaan UMNO maka adalah lebih baik untuk Gerakan meninggalkan BN (*Nanyang Siang Pau*, 17 Mac 2008). Permintaan dan desakan yang dibuat oleh rakan-rakannya besar kemungkinan membawa perubahan kepada UMNO. UMNO dijangka lebih melayan desakan rakan-rakannya. Umpamanya Hishamuddin Hussein meminta maaf atas perbuatannya menghunuskan keris dalam perhimpunan agung UMNO setelah penjelasannya tentang perbuatan tersebut kurang diterima oleh rakyat bukan Melayu (*New Straits Times*, 26 April 2008). Manakala Muhyiddin Yassin selaku Naib Presiden semasa menghadiri jamuan makan sempena kemenangannya anjuran UMNO Bahagian Pagoh telah menyatakan bahawa BN perlu mengubah dan merombak semula bentuk kerjasama yang sedia wujud dalam BN demi memenangi kepercayaan dan sokongan kaum Cina dan India (*Sin Chew Daily*, 6 April 2008).

Cabaran kedua ialah wacana politik ketuanan Melayu yang selama ini menjadi dukungan dan nadi perjuangan UMNO kini tercabar. Politik ketuanan Melayu yang sekian lama direalisasikan melalui pelaksanaan agenda Melayu di bawah dasar-dasar kerajaan mula disuarakan oleh pemimpin-pemimpin kaum Cina dan India dari BN sebagai menghakis kepentingan-kepentingan kaum bukan Melayu. Sebelum ini Presiden MCA sebelum Ong Ka Ting, iaitu Dr. Ling Liong Sik pernah menyatakan bahawa kaum Cina sebagai kumpulan minoriti di Malaysia harus memainkan peranannya sebagai kumpulan minoriti model dengan tidak mengajukan tuntutan-tuntutan yang berlebihan dan pendirian Presiden parti itu dapat dilihat dengan jelas. Contohnya Ong Ka Ting menyatakan bahawa beliau menolak gagasan/wacana politik ketuanan Melayu (*Sin Chew Daily*, 25 April 2008). Presiden MCA itu turut berhujah dengan lantang dalam parlimen apabila parlimen bersidang pertama pertama kali setelah PRU ke-12. Pemimpin itu mendesak kerajaan agar memberi kebebasan yang lebih kepada para penganut agama bukan Islam dan membina sekolah-sekolah baru Cina secara institusi dan sistematik. Suara-suara lantang demikian telah disifatkan oleh beberapa orang pemimpin DAP sebagai berperanan seperti mereka. Selanjutnya Naib Presiden MCA, Ong Tee Kiat pula berpendapat bahawa isu ketuanan Melayu merupakan tinggalan sejarah dan harus diketepikan oleh para pemimpin Melayu. Pemimpin itu turut menyatakan bahawa penggunaannya membawa denotasi bahawa hubungan antara orang Melayu dan orang bukan Melayu yang tidak seimbang ibarat hubungan antara seorang tuan dan pengikutnya (*Nanyang Siang Pau*, 9 Mei 2008). Perkembangan-perkembangan ini memmanifestasikan pendirian baru dalam perjuangan parti MCA setelah ditimpa kekalahan teruk dalam tsunami politik 8 Mac 2008. Dalam satu *post-mortem* keputusan PRU, para pemimpin parti itu mengenal pasti hala perjuangan *low profile* yang selama ini diterapkan oleh parti menyebabkan mereka kehilangan sokongan para pengundi Cina. Oleh yang demikian dalam mesyuarat tersebut mereka dikatakan sepakat dalam mengubah hala perjuangan parti ke arah lebih lantang untuk memperjuangkan kepentingan komuniti Cina dan rakyat pelbagai kaum. Pendirian baru MCA ini telah mula mempengaruhi dan diikuti oleh parti-parti komponen BN yang lain. Umpamanya Samy Vellu dilaporkan mendesak pucuk pimpinan negara untuk membebaskan 5 orang pemimpin HINDRAF yang telah ditahan oleh pihak polis di bawah Akta ISA sebelum PRU ke-12. Presiden MIC itu juga memberi amaran bahawa jika kerajaan BN tidak berusaha untuk menangani masalah komuniti India dengan berkesan, maka beliau akan mendapatkan bantuan daripada pihak luar.

Di samping itu, beberapa orang tokoh UMNO dilaporkan telah menyuarakan kebimbangan ini. Contohnya bekas Menteri Besar Selangor, Dr. Mohamad Khir Toyo

menyatakan bahawa parti-parti komponen BN berkemungkinan meninggalkan pakatan tersebut (*Oriental Daily News*, 30 Mac 2008). Dalam hal ini, bekas ahli Exco kerajaan Pulau Pinang sebelum PRU ke-12, Dr. Toh Kim Woon membuat kenyataan sejurus selepas pilihan raya bahawa sekiranya parti Gerakan terus dikekangi kekuasaan UMNO maka adalah lebih baik untuk Gerakan meninggalkan BN (*Nanyang Siang Pau*, 17 Mac 2008). Manakala presiden PPP, M. Kayeas dalam wawancara dengan sebuah akhbar sejurus selepas PRU ke-12 mengesyorkan bahawa BN harus menimbang untuk membentuk sebuah parti pelbagai kaum yang diberi nama Parti BN (*Nanyang Siang Pau*, 11 Mac 2008). Menurutnyanya langkah ini perlu diambil bagi mengelakkan parti-parti kompoen BN daripada meninggalkannya. Langkah ini dilihat amat memanfaatkan BN lantaran ia akan lebih bersedia mendepani senario dan dimensi baru politik Malaysia semasa yang sedang bergerak ke arah *noncommunal*. Langkah proaktif ini dilihat sebagai bersesuaian memandangkan sesetengah parti terutamanya MCA dan Gerakan ternyata lebih bersedia untuk menyahut senario dan dimensi baru politik Malaysia. Haluan perjuangan parti MCA mulai berubah apabila Jawatankuasa Kerja Pusat parti itu membuat ketetapan untuk tidak memperjuangkan kepentingan kaum Cina semata-mata tetapi pelbagai kaum. Naib Presidennya Ong Tee Keat pula menyarankan agar MCA mengubah haluan parti kepada multietnik (*New Straits Times*, 5 Mei 2008). Manakala bekas Presiden Gerakan, Lim Keng Yek dalam satu wawancara akhbar telah mengajukan idea parti-parti komponen BN yang bukan Melayu perlu bergabung dalam satu parti pelbagai kaum bagi merespons kepada dimensi baru politik Malaysia (*Oriental Daily*, 18 April 2008). Tokoh veteran itu turut menyatakan bahawa hala tuju perkembangan baru politik yang dicetuskan oleh tsunami ialah ke arah persaingan dan pertarungan antara parti-parti politik Melayu dan parti-parti yang berlandaskan pelbagai kaum. Malah parti Gerakan melalui sayap pemudanya telah mengajukan idea penubuhan sebuah parti pelbagai kaum yang menggabungkan kesemua komponen parti BN sebelum PRU ke-12. Idea ini telah dikemukakan oleh Ketua Pemudanya, Mah Siew Kiong dalam Perhimpunan Agung parti itu pada tahun 2007. Walau bagaimanapun pendapat ini telah disangkal oleh Timbalan Presiden UMNO, Najib Tun Razak dan Ketua Pemudanya, Hishamuddin Tun Hussein.

2) Faktor Dalaman UMNO dan BN

Dalam pada itu perjuangan politik ketuanan dan agenda Melayu oleh UMNO kini dipersepsi oleh sesetengah orang Melayu sendiri sebagai satu perjuangan yang hanya memanfaatkan golongan *umnoputra*, bukan lagi untuk menjaga kepentingan kaum Melayu secara menyeluruh. Pembentukan dan perkembangan kelas menengah dalam masyarakat Melayu terutamanya di kawasan bandar telah membawa kepada kesedaran politik mereka (Abdul Rahman 2002). Mereka tidak lagi seperti orang Melayu luar bandar/kampung yang lebih cenderung menjadi pengikut dan penerima habuan dari UMNO. Sebaliknya mereka kini didapati lebih berdikari dalam pendirian politik dan tidak lagi begitu bergantung kepada politik penaungan tajaan UMNO yang sudah sekian lama mempengaruhi pegangan politik mereka (Gomez 1990, Mohd. Ali 2004). Mereka juga bersifat kritikal terhadap pentadbiran kerajaan dan mereka ingin memantau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Sentimen-sentimen komunal/perkauman yang mudah dimanipulasi oleh ahli-ahli politik tidak lagi mudah menawan hati mereka. Golongan ini cenderung memilih nilai-nilai demokrasi dalam usaha penyertaan

politik secara formal atau tidak formal. Oleh yang demikian mereka didapati lantang memperjuangkan keadilan yang menjangkau batasan kaum, kebebasan bersuara dan berkumpul, ketelusan pentadbiran kerajaan, antirasuah dan membela nasib golongan miskin tanpa mengambil kira kaum. Tahap pendidikan yang diterima mereka telah menyumbang ke arah kematangan pemikiran dan kesedaran politik yang demikian. Kecenderungan yang demikian dapat dilihat dengan jelas apabila kita meninjau kesediaan orang Melayu PKR dan PAS yang sanggup memperjuangkan gagasan ketuanan rakyat dan mengkritik pelaksanaan DEB yang berterusan. Bagi para pengikut kedua-dua buah parti politik ini, politik komunal/perkauman yang selama ini menjadi dukungan UMNO tidak mampu membantu orang Melayu secara tuntas dan rakyat secara umum. Malah pengamalan politik yang demikian hanya memanfaatkan segelintir orang Melayu dan menyumbang kepada jurang perbezaan yang semakin ketara di kalangan orang Melayu. Dasar-dasar pembangunan yang berpaksikan pertimbangan kaum sudah menimbulkan peminggiran dan ketidakpuasan golongan bukan Melayu, terutamanya komuniti India dan Cina (Kua 2005).

Salah satu faktor dalaman BN yang boleh dikaitkan dengan perubahan pola pengundian ialah percaturan pemimpin pemuda UMNO yang meletakkan ramai muka-muka baru sebagai calon yang bertanding dalam PRU-12. Pada pilihan raya umum kali ini terdapat 147 orang calon pemuda BN iaitu 46 di peringkat Parlimen dan 101 di peringkat DUN. Daripada segi nisbahnya jumlah peratusan muka-muka baru ialah 20.7 peratus atau 147 : 727 orang. Sebahagian besar daripada calon-calon tersebut adalah daripada Pemuda UMNO. Bilangan mereka adalah seramai 130 orang iaitu 38 peratus (130 : 338). Ada pihak yang mengaitkan lambakan ini sebagai percaturan pemimpin pemuda UMNO untuk menghadapi pemilihan pucuk pimpinan parti pada tahun ini (*Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU-12 : 2008). Faktor dalaman BN yang boleh dikaitkan dengan perkara di atas ialah ketidakpuasan hati di kalangan pemimpin UMNO yang digugurkan daripada bertanding dalam PRU-12. Kebanyakan muka-muka lama tidak berpuas hati kerana mereka tidak diajak berunding sebelum digugurkan daripada senarai calon yang bakal bertanding. Kebanyakan muka lama terdiri daripada mereka yang mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan mempunyai penyokong yang ramai di sesuatu kawasan. Akibatnya calon-calon baru tidak mendapat sokongan daripada pengundi di sesuatu kawasan pilihan raya yang majoritinya masih menyokong wakil rakyat yang telah digugurkan. Terdapat pemerhati politik yang mengatakan calon-calon baru tersebut adalah berisiko kerana kurang dikenali dan tidak mendapat sokongan daripada calon-calon penyandang (*New Straits Times*, 10 Mac 2008). Sebagai contohnya BN telah menurunkan 15 calon baru di Terengganu dan 6 daripadanya tewas. Contohnya Ahmad Ramzi yang menggantikan Abdul Rahman Bakar telah tewas kepada calon PAS di Marang. Keadaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku, sekiranya terdapat ikatan yang utuh dalam UMNO, mungkin keputusannya akan lebih baik. Malah Perdana Menteri merumuskan bahawa kekalahan calon BN di beberapa kawasan di Kedah dan Perak adalah akibat perbuatan sabotaj oleh ahli-ahli UMNO sendiri (*New Straits Times*, 7 April 2008).

Satu lagi faktor dalaman BN yang mendorong kepada penolakan pengundi terhadap BN juga boleh dikaitkan dengan status calon-calon lama yang dicalonkan semula. Sebahagian daripada mereka mempunyai beberapa masalah yang berkaitan dengan tuduhan rasuah, jenayah, penyalahgunaan kuasa dan pemilikan harta yang berlebihan. Antara mereka yang dimaksudkan ialah Samy Vellu, Rafidah Aziz,

Muhammad bin Mohd Taib, Nazri Aziz, Khir Toyo, Azalina Othman Said, Musa Aman, Ling Hee Leong, Johari Baharom dan Chan Kon Choy. Kaedah pemilihan calon-calon juga merupakan faktor dalaman BN yang menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan ahli parti dan seterusnya mendorong kepada penolakan terhadap BN. Sebagai contoh ramai calon MCA yang tewas kerana pemilihan mereka adalah ditentukan oleh Presiden MCA sendiri dan beliau menggunakan taktik intipan untuk menjatuhkan musuh-musuh dalaman yang lain (*New Straits Times*, 15 April 2008).

3) *Persaingan dengan Parti lawan dan kelemahan gabungan BN*

Apa yang lebih mencabar kepada UMNO ialah gagasan/wacana politik ketuanan rakyat yang diperjuangkan oleh PR sangat menawan hati rakyat keturunan Cina dan India. Keadaan ini demikian kerana prinsip perjuangan pakatan itu yang berlandaskan kepentingan rakyat tanpa mengira kaum menjanjikan harapan yang lebih baik kepada masyarakat Cina dan India. Oleh itu PR akan memperoleh sokongan kuat daripada para pengundi Cina dan India. Sungguhpun kedua-dua kumpulan etnik ini telah menjadi golongan minoriti, namun kehebatan mereka dalam PRU ke-12 dan PRU yang akan datang tidak boleh dipandang enteng lagi. Sebagai contohnya peralihan undi mereka yang serentak telah mengakibatkan kejatuhan empat kerajaan negeri ke tangan pihak pembangkang. Kedudukan, hak istimewa dan kepentingan orang Melayu dikatakan sudah tercabar dan tergugat natijah daripada kebangkitan kuasa bukan Melayu ini dalam PRU ke-12. Kekuatan yang selama ini dinikmati oleh UMNO melalui sokongan padu pengundi Cina dan India yang menyokong kuat parti MCA, MIC dan Gerakan sudah terhakis. Hal ini demikian kerana tanpa prestasi cemerlang ketiga-tiga buah parti tersebut, genggamannya kuasa UMNO di kerajaan pusat dan kerajaan negeri telah menjadi lemah. Hakikat ini dapat dilihat apabila prestasi buruk MCA dan Gerakan di Pulau Pinang, Perak, dan Selangor telah menyebabkan ketiga-tiga kerajaan negeri ini jatuh ke tangan PR. Kemudian, wujud bahaya perpecahan BN yang berpunca daripada ketidaksediaan UMNO untuk melakukan perubahan dan reformasi sejajar dengan senario politik pasca tsunami dan tuntutan parti-parti komponen BN.

UMNO dan BN terpaksa mendepani satu pakatan/barisan alternatif yang amat kuat dalam sejarah pilihan raya negara. PR yang muncul di arena politik Malaysia selepas tsunami politik 2008 menampilkan satu kuasa yang mampu menggugut survival BN sebagai parti pemerintah kerajaan pusat, meskipun pakatan itu menghadapi beberapa ujian getir dalam membentuk kerajaan negeri di Perak dan Selangor. Contohnya di Perak, parti DAP yang memenangi kerusi DUN terbanyak, iaitu berjumlah 18, tetapi parti itu dapat bertolak ansur dengan menerima calon PAS yang hanya memenangi 6 kerusi DUN sebagai Menteri Besar. Tokoh veteran DAP, Lim Kit Siang yang pada mulanya sangat tidak berpuas hati dengan perkembangan ini telah menggesa agar kesemua ahli DUN partinya memboikot istiadat angkat sumpah pelantikan jawatan Menteri Besar. Namun pemimpin itu telah menarik balik gesaan tersebut dan meminta maaf secara terbuka kepada sultan Perak.

Di Selangor pula, parti DAP pada mulanya menuntut agar jawatan timbalan Menteri Besar diwujudkan dan diberi kepada mereka memandangkan mereka memenangi kerusi DUN sebanyak 13 berbanding dengan 15 kerusi yang dimiliki PKR. Namun pada akhirnya pucuk pimpinan parti dapat menerima pelantikan Teresa Kok sebagai ahli exco kanan. Manakala di Pulau Pinang pula, Ketua Menteri Lim Guan Eng telah

mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan negerinya akan memansuhkan prinsip DEB dalam penawaran tender kepada golongan bumiputera. Walaupun langkah ini dikritik oleh UMNO dan para nasionalis Melayu, namun tindakan Ketua Menteri tersebut telah disokong oleh PKR dan PAS. Malah Persatuan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Pulau Pinang kemudiannya terus menyokong langkah itu. Ketiga-tiga parti komponen PR turut mengambil ketetapan untuk tidak mewujudkan parti tunjang dalam pakatan dan bergerak dengan berlandaskan prinsip sama taraf yang berasaskan semangat permuafakatan (*Mingguan Malaysia*, 13 April 2008). Ketetapan ini merupakan satu kekuatan yang lebih mampu meraih sokongan kaum Cina dan India berbanding dengan pakatan BN yang didominasi oleh UMNO. Para pemimpin parti-parti komponen PR turut bersetuju untuk mengeluarkan kenyataan bersama berkenaan dengan sesuatu isu politik dan menggesa para ahli mereka agar tidak membuat kenyataan bertentangan dengan pendirian bersama PR. Pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang pemimpin parti komponen pakatan tidak mencerminkan pendirian mereka. Misalnya pandangan yang diajukan oleh Dr. Harun Din, Timbalan Mursyidul Am PAS di *Harakah Daily* pada 10 April 2008 yang menggesa agar para penyokong PAS bersabar dan menunggu sehingga parti itu berjaya merampas pentadbiran kerajaan pusat untuk membolehkan partinya melaksanakan hukum hudud di Malaysia. Pendapat ini telah menimbulkan kekecohan dan kebimbangan kaum Cina dan India. Walau bagaimanapun isu ini telah ditangani dengan berkesan oleh PR menerusi agenda Negara Berkeadilan dalam manifesto PAS itu sendiri.

Perkembangan-perkembangan ini jelas menunjukkan PKR, DAP dan PAS mampu berkompromi dan berkerjasama demi kelangsungan PR. Para pemimpin parti-parti komponen PR kelihatan menghargai bentuk kerjasama yang dibentuk dan dijalin sesudah 8 Mac 2008 dan mereka agak berhati-hati dalam tindakan politik dan memberi pandangan kepada pihak media. Mereka menyedari bahawa PR merupakan sebuah pakatan yang terhasil setelah tsunami politik, terdedah kepada berbagai-bagai gugatan dan oleh itu adalah tidak mantap seperti BN. Tampaknya pucuk pimpinan PKR, DAP dan PAS berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan PR menjadikan mantap dan menampilkan sebuah pakatan alternatif yang bakal menggantikan BN. Kejayaan-kejayaan PR dalam menangani pelbagai permasalahan dan kemelut politik yang mencabar survival PR berkait rapat kelebihan Anwar Ibrahim, pemimin *de facto* PKR memainkan peranan sebagai *prime-mover* pakatan itu. Meskipun Anwar Ibrahim hanya penasihat PKR, namun tokoh itu merupakan seorang pemimpin politik berkarismatik yang mampu berperanan sebagai daya pengikat kepada parti-parti komponen PR. Ketokohnya dalam menerajui dan memobilisasikan Gerakan Reformasi pada tahun 1998 ternyata menyerlah semula dalam kempen PRU ke-12. Kini Anwar merupakan penggerak dan pemangkin kepada PR serta diterima dengan baik oleh para penyokong parti-parti komponen. Umpamanya Lim Guan Eng dilaporkan berkata bahawa beliau menyokong Anwar sebagai calon Perdana Menteri Malaysia (*Nanyang Siang Pau*, 17 Mac 2008).

PR juga mengambil ketetapan untuk menggunakan gagasan bersama yang berlandaskan ketuanan rakyat bagi mentadbirkan 5 buah negeri. Semenjak 8 Mac 2008 PR berjaya menonjolkan pentadbiran yang berkesan, mesra rakyat dan membela kepentingan rakyat di 5 kerajaan negeri. Kerajaan negeri PR menunjukkan teladan yang baik dalam tempoh yang agak singkat dengan melaksanakan beberapa dasar yang mengutamakan kepentingan rakyat. Misalnya kerajaan baru negeri Perak

telah mengumumkan pemberian geran pendudukan kekal kepada semua penghuni kampung-kampung baru Cina dalam tempoh sebulan mereka mentadbirkan negeri itu (*Nanyang Siang Pau*, 3 April 2008). Bekas Setiausaha MCA, Dr. Ting Chew Peh mengatakan bahawa para pemimpin MCA harus berasa insaf dan malu kerana tidak berupaya menyelesaikan masalah masyarakat Cina ini sepanjang tempoh 50 tahun parti itu menyertai BN (*Oriental Daily News*, 4 April 2008). Kerajaan negeri itu turut melaksanakan polisi cukai pintu yang berjumlah RM 1 kepada semua premis keagamaan tanpa mengambil kira jenis agama.

Impak dan Dampak PRU-12 Terhadap Orang Melayu

Dalam masa yang terdekat selepas PRU-12 beberapa kesan pilihan raya terhadap orang-orang Melayu telah mula kelihatan. Antaranya ialah:

1. Orang Melayu seakan merasa tidak puas hati terhadap pembahagian/perlantikan jawatan bagi kerusi kabinet Jemaah Menteri dan Negeri

PRU-12 sebenarnya telah memberikan kesan langsung ke atas orang Melayu sekiranya dilihat daripada segi pembahagian/ perlantikan jawatan bagi kerusi kabinet dan negeri. Sehubungan ini bilangan menteri daripada MCA yang dilantik adalah seramai 4 orang, iaitu sama seperti sebelum PRU ke-12. Perkara ini amat memeranjatkan banyak pihak termasuk presiden MCA sendiri kerana prestasi MCA dalam pilihan raya kali ini sangat buruk (*New Straits Times*, 19 Mac 2008). Hal yang sama juga berlaku pada MIC, walau pun prestasinya telah merosot sebanyak 67 peratus tetapi masih dikekalkan 2 jawatan timbalan menteri dan seorang menteri. Gerakan yang hanya memenangi 2 kerusi Parlimen tetapi mendapat 2 jawatan timbalan menteri. PPP yang tidak memenangi sebarang kerusi masih diberi satu jawatan timbalan menteri. Ini ternyata pembahagian tersebut adalah tidak mengikut pencapaian prestasi parti komponen BN dalam PRU ke-12 (*New Straits Times*, 19 Mac 2008) dan menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan orang-orang Melayu. Terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa lebih 30 ahli Parlimen yang tidak berpuas hati ingin menyertai Pakatan Rakyat (seperti yang didakwa oleh pemimpin *de facto* PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim) bagi menubuhkan kerajaan mereka pada peringkat Persekutuan (*New Straits Times*, 19 Mac 2008). Pemimpin *de facto* PKR ini telah mendakwa bahawa Pakatan Rakyat akan dapat menguasai kerajaan Persekutuan selewat-lewatnya pada bulan Ogos 2008. Beliau juga mendakwa akan menjadi Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu (*Suara Keadilan*, 7 Mei 2008). Sehubungan ini bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir telah menasihati para pemimpin BN supaya memandang serius terhadap dakwaan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya (*New Straits Times*, 8 Mei 2008). Sementara itu bilangan kerusi untuk jawatan exco di negeri-negeri Pulau Pinang, Perak dan Selangor juga tidak mencerminkan komposisi penduduk di negeri-negeri berkenaan. Jumlah penduduk Melayu di Pulau Pinang adalah seramai 43 peratus, Perak 54 peratus dan Selangor 56 peratus tetapi bilangan exco Melayu yang dilantik adalah kurang 40 peratus. Penduduk Melayu di negeri-negeri berkenaan telah menuntut supaya bilangan exco Melayu ditambah tetapi permintaan mereka tidak dilayan.

2. Dasar Kerajaan Negeri dikatakan lebih mengutamakan orang bukan Melayu

Dasar-dasar yang dilaksanakan di negeri-negeri yang dikuasai pembangkang seperti di Pulau Pinang, Perak dan Selangor adalah lebih menguntungkan penduduk bukan Melayu. Sebagai contohnya sejurus selepas kemenangan pembangkang di Pulau Pinang (pakatan DAP dan PKR) Ketua Menterinya secara spontan telah mempersoalkan Dasar Ekonomi Baru dan mencadangkan ia diganti dengan dasar ekonomi yang baru dan sesuai untuk rakyat (*Berita Minggu*, 16 Mac 2006). Di Perak, Menteri Besarnya telah mengumumkan pemberian hak milik kekal tanah kepada penduduk kampung baru yang menduduki tanah kerajaan yang majoritinya terdiri daripada orang-orang Cina (*New Straits Times*, 17 April 2008). Di Selangor pula kerajaan negeri telah meluluskan pemindahan kawasan ternakan babi di kawasan seluas 400 ekar yang menelan belanja RM100 juta ke daerah Sepang yang kawasan sekitarnya didiami oleh orang Melayu. Ketiga-tiga kerajaan negeri tersebut juga telah mengurangkan cukai tanah kepada RM1 setahun ke atas sekolah yang didirikan di atas tanah persendirian, yang kebanyakannya terdiri daripada sekolah Cina (*New Straits Times*, 15 April 2008).

3. Perpaduan di kalangan orang Melayu semakin lemah

Keadaan ini boleh diperhatikan melalui rentetan beberapa peristiwa selepas berlangsungnya PRU-12. Wakil rakyat yang dicalonkan oleh Presiden UMNO bagi jawatan Menteri Besar telah ditolak oleh Sultan Terengganu dan Perlis. Perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku sekiranya terdapat keutuhan perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO dan juga di antara pemimpin UMNO dan Sultan (*New Straits Times*, 18 Mac 2008). Permasalahan dalam UMNO ini dilihat wujud perjuangan yang terpesong untuk mendapatkan kuasa dan jawatan. Pemimpin-pemimpin Melayu juga salah menyalahkan antara satu sama lain atas pencapaian yang buruk dalam PRU-12. Ada yang mengatakan pucuk pimpinan UMNO adalah lemah, pengundi-pengundi sabotaj dan bekas-bekas pemimpin bertanggung jawab terhadap kekalahan tersebut (*New Straits Times*, 17 April 2008). Pemimpin-pemimpin Melayu dari parti-parti pembangkang semakin tampak bersatu diatas perpecahan dikalangan UMNO di dalam Pakatan Rakyat (PR) (*Suara Keadilan*, 9 April 2008).

Kesimpulan

Realitinya, meskipun terdapat suara-suara parti komponen BN untuk mengubah hala perjuangan kepada yang lebih *non-communal*, namun kesedian UMNO mengubah ke arah yang demikian adalah kecil. Kecenderungan ini memang sesuatu yang dijangka memandangkan politik ketuanan Melayu dan agenda Melayu sudah sekian lama sebatian dengan perjuangan UMNO sejak penubuhannya pada tahun 1946. Daripada reaksi dan respons para pemimpinnya terhadap keputusan PRU ke-12 dan hala tuju perkembangan parti, kita tidak nampak terdapatnya bibit-bibit untuk menyisihkan perjuangan agenda Melayu. Dalam hal ini parti UMNO sukar mencari suatu wacana politik baru yang mampu mewajarkan perjuangannya yang selama ini hanya tertumpu kepada orang Melayu. Walau bagaimanapun perkembangan politik Malaysia semasa, terutamanya yang berkaitan dengan permintaan dan desakan parti-parti komponen

BN, UMNO kelihatan telah menunjukkan sikap yang lebih bertoleransi dalam hal ini. Pada umumnya pendapat yang demikian sudah tentu menyentak saraf UMNO dan mengundang kritikan-kritikan yang pedas daripada pemimpin-pemimpin pelapis parti itu. Kesediaan awal UMNO untuk mendengar dan merespons kepada rungutan dan desakan rakan-rakan mereka berkait rapat dengan kejutan dan tamparan yang diterima oleh UMNO dalam PRU ke-12.

Survival UMNO dan BN bergantung kepada sejauh mana pucuk pimpinan mampu membela rakyat. Hakikat ini amat penting memandangkan antara kesan PRU ke-12 ialah para pengundi tanpa mengira kaum telah mengetahui kepentingan undi di tangan mereka. Mereka kini lebih berani menggunakan undi mereka untuk memenangkan parti politik yang sanggup dan rela memperjuangkan kepentingan rakyat. Aspirasi para pengundi, terutama dari kawasan bandar sudah berubah ke isu-isu yang menjangkau tuntutan komunal. Apa yang memperoleh keprihatinan mereka merupakan isu-isu nasional seperti kenaikan harga barangan, keselamatan awam, gejala rasuah, ketelusan kerajaan, kebebasan bersuara, hak-hak sivil dan demokrasi. Oleh yang demikian, cara yang mungkin ampuh untuk UMNO untuk kekal relevan ialah mengubah perjuangannya yang hanya membela kepentingan orang Melayu kepada perjuangan yang membela kepentingan multietnik. Namun apa-apapun segala perkembangan seterusnya dalam politik Malaysia banyak bergantung kepada keupayaan dan kesediaan UMNO untuk melakukan perubahan dan transformasi di masa akan datang.

Nota

- ¹ Mohd Azlan Zainal merupakan pelajar Ijazah Sarjana di Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya
- ² Amer Saifude Ghazali merupakan pensyarah di Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya
- ³ Zulkanain Abdul Rahman merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sejarah merangkap timbalan dekan Penyelidikan dan Pembangunan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2002. *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. New York: Palgrave.
- Asnarulhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan. 1997. *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Berita Minggu*, 10 Mac 2008.
- Berita Minggu*, 16 Mac 2008.
- Case, W. 1996. *Elite and regime in Malaysia: revisting a consociational democracy*. Clayton: Monash Asia Institute.
- Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU-12 : 2008.
- Gomez, Edmund T. 1990. *Politics in Business : UMNO's Corporate Investment*. Kuala Lumpur: Forum Enterprise.
- Kua Kia Soong. 2005. *The Malaysian Civil Rights Movement*. Petaling Jaya : Strategic Information Research Development.

- Lijphart, A. 1977. *Democracy in Plural Society: A Comparative Exploration*. New Haven: Yale University Press.
- Loh Kok Wah. 2002. *Democracy in Malaysia: a discourse and practices*. Richmond: Curzon Press.
- Mauzy, D. 1983. *Barisan Nasional: coalition government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marizan and Sons.
- Means, G. P. 1991. *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press.
- Mingguan Malaysia* 13 April 2008.
- Mohd. Ali Kamarudin. 2004. *Penaungan dalam Kepimpinan Politik Melayu : UMNO Kelantan 1946-1990*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nanyang Siang Pau*, 9 Mei 2008.
- Nanyang Siang Pau*, 11 Mac 2008.
- Nanyang Siang Pau*, 17 Mac 2008.
- Nanyang Siang Pau*, 3 April 2008.
- New Straits Times*, 17 April 2008.
- New Straits Times*, 18 Mac 2008.
- New Straits Times* 19 Mac 2008.
- New Straits Times*, 10 Mac 2008.
- New Straits Times*, 15 April 2008.
- New Straits Times*, 17 April 2008.
- New Straits Times*, 19 Mac 2008.
- New Straits Times*, 26 April 2008.
- New Straits Times*, 5 Mei 2008.
- New Straits Times*, 6 Mei 2008.
- New Straits Times*, 7 April 2008.
- New Straits Times*, 8 Mei 2008.
- New Straits Times*, 10 Mac 2008.
- Oriental Daily News*, 30 Mac 2008.
- Oriental Daily News*, 4 April 2008.
- Oriental Daily News*, 7 Mei 2008.
- Oriental Daily*, 18 April 2008.
- Sin Chew Daily*, 12 Mei 2008.
- Sin Chew Daily*, 25 April 2008.
- Sin Chew Daily*, 6 April 2008.
- Sin Chew Daily*, 9 Mei 2008.
- Suara Keadilan*, 12 Mac 2008 .
- Suara Keadilan*, 7 Mei 2008.
- Suara Keadilan*, 9 April 2008.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2006. *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2004*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2009. *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-12, 2008*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Thock Ker Pong. 2005. *Ketuanan politik Melayu: respons masyarakat Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Utusan Malaysia*, 21 Jun 2008.

Utusan Malaysia, 5 April 2008.

Vasil, R.K 1980. *Ethnic politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publisher.

Weiner, M. dan Ozbudun, E. 1987. *Competitive elections in developing countries*. Durham: Duke University Press.